

FPSK Rekod Hadir Perhimpunan Pagi Guna Aplikasi Smart-Hadir

Terakhir dikemaskini: Rabu, 13 Jun 2018 15:37 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 236

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 13 JUN - Perhimpunan Pagi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) pada bulan Jun 2018 mencatatkan sejarah tersendiri apabila julung kalinya menggunakan aplikasi Smart-Hadir.

Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohamad Saffree Jeffree berkata, penggunaan aplikasi tersebut diinisiatifkan pihak pengurusan FPSK selaku urusetia dengan kerjasama Pusat Pengurusan Data dan Maklumat UMS bagi merekodkan kehadiran kakitangan.

“Seramai 120 warga FPSK hadir pada perhimpunan yang diadakan secara bulanan ini berdasarkan rekod aplikasi tersebut yang dilihat bertepatan dalam usaha menyokong inisiatif UMS-KRA kesembilan iaitu transformasi ke arah Universiti/Industri 4.0,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pada perhimpunan itu juga menyaksikan sesi penyerahan tugas bagi jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Hospital UMS (HUMS) antara bekas penyandanginya Prof. Madya Dr. Awang Setia Musleh kepada Prof. Madya Dr. Helen Lasimbang yang dilantik memegang jawatan itu secara rasmi berkuatkuasa 16 Mei 2018.

Turut diadakan pelancaran ringkas Piagam Pelanggan FPSK yang merangkumi lapan komponen utama termasuk akademik, penyelidikan, hal ehwal pelajar, pentadbiran dan sains.

Serentak dengan itu juga pelancaran ringkas e-buku panduan sumber manusia FPSK bertajuk *FPSK Human Resource E-Handbook* yang mengandungi 53 halaman hasil nukilan bersama Dr. Saffree dan Timbalan Pendaftar FPSK, Hasmi Hashim.

Berhubung e-buku panduan itu, Hasmi memaklumkan ia mengandungi pelbagai maklumat penting seperti senarai nombor perhubungan semua staf FPSK bagi memudahkan urusan kerja dan sumber rujukan dalam kalangan staf.

Hadir sama pada perhimpunan tersebut Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), Dr. Fairrul Masnah Abd. Kadir; Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan Komuniti), Prof. Dr. Kew Seih Teck; dan Ketua Timbalan Pendaftar merangkap Pengarah Pengurusan HUMS, Luqman Ridha Anwar.

Sumber: FPSK